

Bab 6

Kesimpulan

Zhu Ziqing pernah menggambarkan keunikan peribadi Wen Yiduo seperti berikut,

Beliau telah lama berkhidmat sebagai sarjana berbanding masa beliau sebagai seorang pahlawan. Sepanjang beliau dikenali sebagai seorang sarjana, beliau tetap menunjukkan sifat penyajaknya. Walau bagaimanapun, ketika beliau dikenali sebagai seorang penyajak dan juga seorang sarjana, keistimewaannya sebagai seorang pahlawan sudahpun jelas tergambar.¹

Hujah tersebut sebenarnya melengkapkan kesimpulan yang bakal dihuraikan dalam disertasi ini. Sama seperti kebanyakan golongan intelektual China Moden yang lain, beliau mengorbankan dirinya untuk menyumbang kepada negara China demi mencapai matlamat beliau yang mulia, iaitu menyelamat

¹ Zhu Ziqing, “Kaiming Ban Wen Yiduo Quanji Xu” (Prakata Koleksi Lengkap Wen Yiduo Terbitan Kaiming), *WYDQJ* jilid 12, ms. 442.

dan membangunkan negara China. Dalam hal itu, sifat-sifat penyajak, sarjana serta reformis menonjol sekali. Gabungan ketiga-tiga peranan tersebut memaparkan ikhtiar beliau yang tiada kesudahan dalam mengerti matlamatnya. Ketiga-tiga peranan yang dimainkan oleh beliau saling melengkapi antara satu sama lain, sehingga ia membentuk personaliti Wen yang istimewa.

Wen Yiduo berazam menyelamatkan bangsa China daripada zaman yang penuh dengan pergolakan dan peralihan itu. Aspirasi Wen yang bersungguh-sungguh tetap kelihatan meskipun beliau berhadapan dengan kegelisahan, kerunsingan, kesengsaraan, dan ketegangan sementara beliau merealisasikan azamnya. Aspirasi Wen barangkali wujud dalam hasil sajak modennya, hasil kajian teks klasiknya dan juga reformasi masyarakat yang diutarakan olehnya. Malahan, Wen mengorbankan nyawanya demi azam yang sama. Sesungguhnya, semangat dan keazaman yang dipaparkan oleh beliau berpancar dan bersinar di kalangan orang ramai di negara China hingga bila-bila.

Dalam perkembangan sajak moden pada zaman China Moden, Wen Yiduo sememangnya penyajak yang tidak akan dilupakan. Kepentingan dan pengaruh koleksi sajaknya yang berjudul *Air Mati* di kalangan penyajak China Moden merupakan bukti yang ternyata. Segala seruan terhadap bentuk peraturan sajak dan pola irama sajak Wen terpapar menerusi koleksi sajak moden tersebut. Beliau berjaya mempelopori satu aliran sajak moden yang mengutamakan bentuk peraturan sajak. Bentuk peraturan sajak yang

dikemukakan oleh beliau berjaya mempengaruhi gaya karya penyajak moden yang lain. Tambahan lagi, beliau berjaya menyatukan unsur-unsur yang istimewa dari sajak klasik China dan sajak Barat sehingga lahirnya sajak moden yang unik. Penerapan unsur sajak dari Barat ke dalam sajak moden bukan sahaja dapat ditangani oleh beliau dengan begitu berjaya malahan kesinambungan kedua-dua unsur tersebut adalah sepadan dan tidak menimbulkan sebarang kesangsian.

Sumbangan Wen Yiduo terhadap sajak moden sememangnya tidak perlu diragui lagi. Lantaran, beliau juga seorang penyajak patriotik yang terkemuka. Wen memaparkan keprihatinan beliau terhadap masyarakat China menerusi hasil sajak modennya. Beliau meluahkan seruan demi memupuk kesedaran masyarakat menerusi bait-bait sajaknya. Sifat reformis Wen jelas kelihatan menerusi bait-bait sajak moden yang lahir menerusi mata penanya. Walau berada dalam apa juu keadaan, sajak moden beliau seringkali memaparkan kegigihan yang bersungguh-sungguh untuk memberi manfaat kepada nusa dan bangsanya.

Tidak syak lagi, kegigihan Wen Yiduo turut dipersembahkan menerusi kajian teks klasiknya. Sebagai seorang sarjana, Wen banyak memberi sumbangan dalam bidang pengajian klasik khususnya dalam bidang sajak klasik. Beliau mengalihkan tumpuannya ke bidang akademik setelah menyedari peribadinya tidak sesuai dalam menguruskan hal-ehwal dunia. Maka, beliau memfokuskan perspektifnya ke bidang akademik yang jauh berasingan daripada kehidupan masyarakat seharian. Beliau bukan sahaja

menyesuaikan diri dalam bidang akademik malah menghasilkan pelbagai hasil kajian teks klasik China yang mengagumkan. Beliau memperoleh kejayaan yang tinggi khususnya dalam kajian beliau terhadap puisi zaman Pra-Qin dan sajak klasik dinasti Tang. Sementara itu, beliau turut berjaya mengadaptasikan hasil pengajian Barat dan teori sarjana Barat ke dalam kajian beliau itu. Selain itu, beliau berjaya mengemukakan banyak penemuan yang baru dan pendapat yang inovatif menerusi kajian teks-teks klasik China seperti mitos purbakala, *Kitab Perubahan Zaman Zhou*, *Teks Pemikiran Zhuang Zi* dan *Teks Pemikiran Guan Zi*.

Setelah mengulas sumbangan Wen Yiduo dalam bidang penulisan sajak moden dan kajian teks klasik China, jelas terpapar bahawa Wen bukan sahaja menerima budaya Barat secara rasional malah cuba mempraktiknya ke dalam penghasilan sajak moden dan kajian beliau. Wen mempelopori satu arena baru dalam bidang penulisan sajak moden yang merangkumi unsur sajak Barat, iaitu sajak empat belas baris yang lebih dikenali sebagai irama dari syurga. Malahan beliau berjaya mengadaptasi bahan pengajian Barat ke dalam hasil pengajiannya terhadap teks klasik China. Lantaran itu, badan induk beliau yang mewarisi tradisi kebudayaan sebenarnya menjadi lebih terbuka setelah terdedah dengan kebudayaan dari Barat.

Wen Yiduo berjaya mengenalpasti hujung pangkal masalah bangsa China yang berakar tunjang sejak dari dahulu kala itu. Pandangan tersebut diperoleh berdasarkan pengetahuan beliau dalam teks klasik China dan pengalaman hidup beliau. Beliau mengemukakan cara penyelesaiannya

menerusi penulisan eseи. Esei beliau mengkritik secara terus terang terhadap pengajaran Konfusianisme. Beliau turut mengkritik para pemimpin dan golongan terpelajar memperdayakan ajaran Konfusianisme demi kepentingan diri mereka. Biarpun begitu, beliau mengalu-alukan pendirian Du Fu yang berpegang teguh terhadap amalan Konfusianisme. Wen menyanjungi personaliti dan sajak Du Fu yang sentiasa prihatin terhadap kehidupan masyarakatnya. Jelas ternyata Wen tidak menafikan semua ajaran Konfusianisme malah kritikan Wen terhadap mereka yang memperdayakan fahaman Konfusianisme adalah rasional.

Penilaian yang dibuat oleh Hsu Kai-yu terhadap Wen Yiduo dapat memperkuatkan huraian di atas. Hsu berpendapat,

Minda intelektual dari generasi Wen Yiduo cenderung menggabungkan pemikiran dari tradisi negara China dan juga pemikiran Barat. Gabungan ini kadang-kala mencapai hasil yang baik. Antaranya adalah gabungan ideologi Romantik dengan masyarakat utopia yang diutarakan oleh Konfusianisme. ... dengan mudah sahaja masyarakat utopia yang menghampiri makna rakyat jelata ini mengalihkan tumpuan beliau kepada rakyat jelata. Maka dengan mudah sahaja beliau dapat menerima ideologi Komunisme yang menekankan kepentingan rakyat jelata.²

Walau bagaimanapun, beliau tidak sempat mengemaskinikan pendapat dan pandangan beliau terhadap semua punca masalah bangsa China itu dalam bentuk tulisan yang lebih tersusun. Beliau berasa terdesak ketika serangan Jepun semakin membahayakan kedaulatan negara China. Beliau tidak lagi berdiam diri dalam bidang akademik yang jauh daripada kehidupan seharian, sebaliknya beliau memilih bentuk seruan reformasi

² Hsu Kai-yu, *Wen I-to*, ms. 198-199.

masyarakat yang terus dan agresif demi menyelamatkan negara China daripada keadaan yang genting itu.

Keadaan masyarakat yang genting pada ketika itu sesungguhnya tidak memberi pilihan lain kepada beliau selain melibatkan diri secara langsung dalam gerakan reformasi masyarakat. Beliau menghabiskan sisa hidupnya dalam menyelesaikan masalah yang dialami oleh tanah air beliau. Sementara bergiat dalam gerakan reformasi masyarakat, beliau sering mengkritik sikap masyarakat yang tidak wajar. Wen Yiduo sering menyeru rakyat jelata menentang kuasa GMD khususnya polisi pemerintahan Chiang Kai-shek yang melampau. Wen menuduh Chiang langsung tidak mengambil berat terhadap kepentingan rakyat jelata. Sebaliknya, Chiang memanipulasikan hak dan amanah rakyat untuk kepentingan diri. Sementara itu, Wen turut mengkritik sikap golongan terpelajar yang mematuhi pemerintahan Chiang secara membabi buta dan langsung tidak menunjukkan keprihatinan mereka terhadap masalah negara khususnya kesengsaraan rakyat negara China.

Dalam pada itu, Wen sering memupuk kesedaran di kalangan terpelajar mahupun rakyat jelata. Wen menyeru rakyat negara China menuntut hak demokrasi mereka. Wen mengaplikasikan pengalaman dan pengajian beliau dalam bidang akademik demi menyebarluaskan konsep demokrasi di kalangan rakyat jelata. Di samping itu, usaha beliau dalam penulisan deklarasi dan memorandum turut berjaya membangkit kesedaran orang ramai untuk merenung kembali fungsi politik masing-masing. Dengan

jelas, sifat sarjana dan sifat reformis Wen bersebat dengan begitu kukuh sekali.

Wen Yiduo percaya bahawa utopia hanya boleh diperoleh oleh rakyat negara China menerusi tuntutan demokrasi, kesedaran politik dan ideologi Komunisme. Setelah bergiat selama belasan tahun dalam bidang akademik, beliau menyedari bahawa rakyat jelata yang bersatu-padu dapat membentuk sumber kuasa yang paling berpengaruh. Beliau sering memupuk kesedaran tersebut menerusi penulisan memorandum, ceramah secara terbuka serta gerakan tunjuk perasaan. Selain itu, beliau turut menyokong ideologi Komunisme yang pernah seketika dikritik oleh beliau secara lantang. Dalam keadaan yang terdesak beliau rela percaya bahawa ideologi Komunisme dapat menyelamatkan rakyat negara China daripada keadaan yang sengsara. Tambahan lagi, pada ketika itu ideologi Komunisme merupakan satu-satunya fahaman yang mengemukakan kehidupan yang amat diperlukan oleh orang ramai di negara China dalam tempoh masa tersebut.

Sesungguhnya, aksi dan reaksi Wen Yiduo dalam arena politik memperlihatkan beberapa kekurangan. Beliau melibatkan diri dalam arena politik secara terdesak sudah memaparkan kelemahannya. Tambahan lagi, beliau melibatkan diri dalam arena politik dengan sifat penyajaknya yang romantikus dan idealistik. Titik buta ini mengakibatkan beliau terkandas di bawah kuasa politik yang kejam. Beliau mengulangi kesilapan yang umum dicabuli oleh golongan intelektual China Modern. Seperti yang dihujahkan oleh seorang sarjana,

Setelah kebudayaan tradisional negara China mengalami keruntuhan, intelektual China moden tergesa-gesa mencari satu pelita yang dapat menjadi pendoman mereka. Dalam masa yang singkat penghasilan ideologi menjadi satu keperluan asas. Malahan ia turut membuktikan kelemahan intelektual yang tidak merenung kembali ideologi yang diutarakan itu sebaliknya berpuas hati dengan ideologi tersebut sahaja.³

Tindakan Wen Yiduo yang terumbang-ambing dalam menunjukkan keprihatinan beliau terhadap tanah air pernah dikritik oleh rakan beliau. Pada tahun 1944 kawan karib Wen Yiduo sejak Kolej Qinghua lagi iaitu Luo Longji (1898-1965) mengejek beliau,

Minda Yiduo sentiasa berganjak, berubah dengan cepat dan tegas, sekarang dahlah ubah kali ketiga, entah bila akan ubah buat kali keempat?⁴

Pada ketika itu, Wen Yiduo menyahut dengan tenang,

Ubah dan tentu berubah, tapi saya dah mantap dengan keadaan ini setelah mencari berpuluhan-puluhan tahun, minda saya dah tetap, tidak akan berubah lagi.⁵

Hujah di atas memaparkan Wen Yiduo tidak teragak-agak menjelaskan hajatnya. Meskipun Wen pernah menyeru bahawa beliau tidak akan berubah lagi, tetapi beliau tentu tidak akan berdiam diri dengan keadaan Revolusi Kebudayaan 1960-an yang menganiayai golongan intelektual. Dalam revolusi tersebut, rakan seperjuangan beliau dan golongan intelektual yang lain berhadapan dengan nasib yang tragik. Luo Longji didakwa sebagai golongan radikal pada tahun 1957 dan meninggal dalam keadaan yang sunyi pada sepuluh tahun kemudian. Wu Han yang taat

³ Lin Yu-sheng, *Zhongguo Chuantong de Chuangzaoxing Zhuanhuan* (Transfomasi Tradisional Negara China yang Kreatif) (Beijing: Sanlian Shudian, 1996), ms. 41.

⁴ WYDNPB, ms. 760.

⁵ WYDNPB, ms. 761.

setia kepada PKC akhirnya menjadi mangsa pertama dalam Revolusi Kebudayaan yang tercetus pada tahun 1965 dan diseksa sehingga mati bersama isterinya empat tahun kemudian.⁶

Wen Yiduo pernah memberitahu Feng Youlan dan Wu Han bahawa dirinya akan kembali ke dalam dunia akademik sebaik sahaja rakyat negara China memperoleh demokrasi yang sebenar.⁷ Apa yang diutamakan oleh beliau semasa menceburkan diri dalam arena politik adalah memperbaiki kehidupan orang ramai di negara China yang sengsara dan menyelamatkan negara China daripada kuasa jajahan asing. Beliau tidak akan berundur dari medan politik selagi negara China belum mencapai kedaulatan dan kesedaran yang wajar. Apabila menjalankan usaha reformasi masyarakat, beliau tidak mengagung-agungkan kuasa politik yang berwibawa itu. Malangnya, sebelum sempat beliau kembali ke dunia akademiknya yang lebih tenteram itu beliau telah dibunuh. Ini sedikit sebanyak berpunca daripada aksi beliau terlampau agresif dalam melancarkan gerakan reformasi masyarakat.

Berbanding dengan pengorbanan yang dialami oleh Luo Longji dan Wu Han, Wen Yiduo kelihatan lebih bernasib baik. Biarpun kesudahan hayat beliau tamat dengan hakikat dibunuh, tetapi semangat yang dilaungkan oleh Wen sentiasa bergema di dalam hati jiwa setiap insan di negara China. Beliau bukan sahaja hidup sejagat dalam hati jiwa bangsa China, malah

⁶ Lei Yi, "Wen Yiduo yu Zhongguo Xiandai Zhishi Fenzi de Lishi Mingyun" (Wen Yiduo dan Nasib Intelektual China Modern), *Lishi Yuekan* (Majalah Bulanan Sejarah) vol 4, 1999, ms. 77.

⁷ WYDNPBC, ms. 1013.

menyumbangkan riwayat dirinya sebagai sebahagian daripada sejarah China Moden yang tidak akan dilupuskan.

Apa yang perlu ditegaskan bahawa penilaian terhadap sumbangan dan kehebatan Wen Yiduo tidak seharusnya diasing-asingkan mengikut bidang yang diceburi itu. Sebaliknya, penilaian tersebut perlu dibuat secara menyeluruh dan merangkumi ketiga-tiga aspek yang pernah disertai oleh beliau. Kehebatan Wen dibentuk oleh aspirasi beliau yang sentiasa membawa dalam hati nuraninya demi membina semula rakyat dan negara yang hampir lumpuh. Kehebatan itu turut membawa sumbangan beliau dalam ketiga-tiga bidang yang diceburi itu. Kehebatan beliau tidak akan sempurna jika tidak dilengkapkan dengan personaliti beliau yang gagah berani, tradisi kebudayaan yang diwarisinya serta zaman China Moden yang tragik itu.

Kesimpulannya, sebagai seorang penyajak, sarjana mahupun reformis, Wen Yiduo cuba menunaikan segala usaha dan tanggungjawabnya sebagai seorang tokoh yang hebat sepanjang hayat beliau. Apa yang melampaui kuasa beliau ialah nasib kendiri dan takdir tuhan. Adalah satu kekurangan atau mungkin satu kelebihan bagi seorang tokoh yang ditempatkan di bawah senario sedemikian. Maka sebagai penutup, adalah amat sesuai mengambil satu ungkapan pada sajak Wen Yiduo sebagai satu tanda notakaki beliau. Ungkapan sajak tersebut berbunyi seperti berikut,

Semua benda hidup hanya perlu menjalankan tanggungjawab sendiri,
Aku tidak berniat memburukkan kamu,
Akan tetapi peraturan tidak terletak bawah kekuasaan aku.⁸

⁸ “Wen Yiduo de Shuzhuo” (Meja Tulis Wen Yiduo), *Si Shui* (Air Mati), *WYDQJ* jilid 1, ms. 168.